



## KENYATAAN RASMI

### **PR1MA SUMBANG 158 EKOR LEMBU KORBAN SEMPENA AIDILADHA** ***Komuniti Residensi PR1MA dan golongan yang memerlukan antara*** ***yang menerima sumbangan lembu korban***

**PETALING JAYA, 7 Julai 2022** – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) hari ini telah menyumbangkan sebanyak 158 ekor lembu untuk Program Korban Perdana PR1MA 2022 bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha 1443H. Program korban ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat di bawah Aspirasi #PR1MAKita untuk manfaat kakitangannya, komuniti residensi PR1MA, dan golongan kurang berkemampuan yang wajar diberikan perhatian.

Pengerusi PR1MA, YBhg. Dato' Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya berkata, program korban ini melibatkan 158 ekor lembu untuk diagihkan di seluruh negara. Sebanyak 12 Residensi PR1MA terlibat dalam program korban ini dan PR1MA turut bekerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) untuk agihan dan sembelihan lembu untuk masyarakat yang memerlukan.

Simbolik agihan lembu-lembu korban tersebut disampaikan terlebih dahulu oleh wakil Pengurusan PR1MA kepada wakil-wakil komuniti residensi PR1MA dan PERKIM untuk disembelih pada Aidiladha nanti di lokasi-lokasi terlibat.

“PR1MA sentiasa mewujudkan pelbagai inisiatif yang memberi impak untuk merapatkan hubungan antara PR1MA dengan komunitinya dan Keluarga Malaysia keseluruhannya sejajar dengan inisiatif PR1MASYARAKAT di bawah Aspirasi #PR1MAKita”, tambah beliau.



Aspirasi #PR1MAKita merupakan platform utama bagi menjalankan aktiviti yang memberi impak dalam kehidupan komuniti Residensi PR1MA dan Keluarga Malaysia di samping memupuk semangat kerjasama dalam kalangan warga kerja PR1MA bersama masyarakat.

Untuk maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

-TAMAT-

---